



9 September 2015
9 September 2015
P.U. (B) 365

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

ARAHAN KHAS MENTERI

SPECIAL DIRECTION OF THE MINISTER



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH 2002

ARAHAN KHAS MENTERI

BAHAWASANYA:

- (a) suatu penyiasatan yang berhubungan dengan suatu perkara jenayah yang melibatkan kesalahan berat asing iaitu rampasan pesawat udara yang menjadi lebih berat kerana berlaku kematian seorang atau beberapa orang berhubung dengan perbuatan keganasan, yang fakta itu diperuntukkan dan dihukum oleh artikel 131-7, 131-11, 224-6, 224-7, 224-9, 224-10, 421-1, 421-3, 422-3, 422-4, 422-5 dan 422-6 Kanun Keseksaan Republik Peranchis yang dibaca bersama artikel 203 dan 706-16 Kanun Tatacara Jenayah Republik Peranchis telah dimulakan di Republik Peranchis, suatu Negara asing;
- (b) Hakim Penyiasat Kanan di *Court of Higher Instance Paris* telah membuat suatu permintaan bagi bantuan bersama berhubung dengan perkara jenayah itu di bawah Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 [Akta 621];
- (c) tiada perintah di bawah seksyen 17 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 telah dibuat berhubung dengan Republik Peranchis; dan
- (d) Peguam Negara Malaysia telah mengesyorkan bahawa bantuan bersama diberikan kepada Republik Peranchis berhubung dengan perkara jenayah itu di bawah Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada saya oleh seksyen 18 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002, saya, Hajah Nancy binti Haji Shukri, Menteri yang bertanggungjawab bagi hal ehwal undang-undang di Malaysia, dengan ini mengarahkan supaya peruntukan Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 terpakai berhubung dengan permintaan bagi bantuan bersama berhubung dengan perkara jenayah itu seolah-olah suatu perintah yang dibuat di bawah

seksyen 17 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 berkuat kuasa berkenaan dengan Republik Perancis tanpa apa-apa sekatan, had, kecualian, ubah suaian, penyesuaian, syarat atau batasan.

Bertarikh 8 September 2015
[JPN(R)152/185/29/7-10; PN(PU2)628/VIII]

HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

MUTUAL ASSISTANCE IN CRIMINAL MATTERS ACT 2002

SPECIAL DIRECTION OF THE MINISTER

WHEREAS:

- (a) an investigation relating to a criminal matter involving the foreign serious offence of hijacking of airplane aggravated by the death of one or various persons in relation with terrorism acts, facts provided for and punished by articles 131-7, 131-11, 224-6, 224-7, 224-9, 224-10, 421-1, 421-3, 422-3, 422-4, 422-5 and 422-6 of the Penal Code of the Republic of France read with articles 203 and 706-16 of the Criminal Procedure Code of the Republic of France has commenced in the Republic of France, a foreign State;
- (b) the Senior Investigating Judge at the Court of Higher Instance of Paris has made a request for mutual assistance in relation to that criminal matter under the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 [*Act 621*];
- (c) no order under section 17 of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 has been made in relation to the Republic of France; and
- (d) the Attorney General of Malaysia has recommended that mutual assistance be given to the Republic of France in relation to that criminal matter under the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002:

NOW THEREFORE, in exercise of the powers conferred on me by section 18 of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002, I, Hajah Nancy binti Haji Shukri, the Minister responsible for legal affairs in Malaysia, do direct that the provisions of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 be applied in relation to the request for mutual assistance in relation to that criminal matter as if there is in effect in respect of the Republic of France an order made under section 17 of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 without any restriction, limitation, exception, modification, adaptation, condition or qualification.

Dated 8 September 2015
[JPN(R)152/185/29/7-10; PN(PU2)628/VIII]

HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
Minister in the Prime Minister's Department